



## TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : PASUKAN AKADEMI SENI KULINARI CHENDEROH RANGKUL 14 ANUGERAH ANTARABANGSA

SUMBER : BERNAMA - 2 APRIL 2026

### Pasukan Akademi Seni Kulineri Chenderoh Rangkul 14 Anugerah Antarabangsa

🕒 02/04/2026 03:59 PM



Kredit: Perak Culinary Arts Academy

IPOH, 2 April (Bernama) -- Pasukan Akademi Seni Kulineri Kolej Komuniti Chenderoh (PCAA@KKCP) Peran berjaya merangkul 14 anugerah dalam kejohanan Cabaran Kulineri Antarabangsa Vietnam 2026, yang berlangsung di Saigon Exhibition@Convention Centre, Ho Chi Minh, Jumaat lepas.

Pengarah PCAA@KKCP Meor M. Sharifuddin Meor Shukri berkata pencapaian itu meletakkan Malaysia sebagai pesaing utama di pentas global, menandingi peserta hebat dari negara seperti Jepun, Singapura, Thailand, Taiwan dan Australia menerusi pelbagai kategori teknikal sepanjang tiga hari persaingan.

"Kejayaan itu adalah manifestasi 'Kecemerlangan Tanpa Kompromi', yang menjadi teras perjuangan kami di PCAA@KKCP.

"Usaha gigih Khairul Ashikhin Mohd Kamil, 46, dan Muhammad Syafiq Jamaluddin, 35, serta para pelajar kita telah membuktikan bahawa bakat TVET Malaysia bukan sahaja mampu bersaing, malah mendominasi peringkat antarabangsa," katanya dalam kenyataan dikeluarkan KKCP.

Pasukan terdiri daripada gabungan pensyarah dan pelajar itu turut melibatkan Muhammad Amar Mohd Salim, Umar Ridha Nirul Azwan dan Muhammad Amzar Asrol yang berusia antara 20 tahun hingga 25 tahun.

Meor M. Sharifuddin berkata kejayaan merangkul empat pingat emas, empat pingat perak, lima pingat gangsa serta satu diploma itu membabitkan kategori yang dipertandingkan antaranya *Asian Inspired Noodles and Chinese Cuisine Dish*, dan *Individual Display Fruit and Vegetables*.



## **TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

### **Perkara : TVET**

**TAJUK ARTIKEL : PASUKAN AKADEMI SENI KULINARI CHENDEROH RANGKUL 14 ANUGERAH ANTARABANGSA**

**SUMBER : BERNAMA - 2 APRIL 2026**

"Ia bukan sahaja mengharumkan nama institusi, malah memperkukuh kedudukan negara sebagai hab kecemerlangan kulinari di rantau Asia Tenggara dan dunia," katanya.

Sementara itu, menurut Facebook PCAA@KKCP, kejayaan itu bukan sahaja mencerminkan komitmen dan dedikasi tinggi pasukan, malah menjadi bukti bahawa pasukan berkenaan terus unggul dalam melahirkan bakat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bertaraf antarabangsa, serta mampu bersaing pada peringkat global.

VNCC edisi kali ke-11 itu mencatatkan lebih 203 peserta dan 401 penyertaan dari 19 wilayah dan bandar di seluruh Vietnam, selain peserta antarabangsa dari Thailand, Singapura, Malaysia, Taiwan, Jepun dan Australia.

-- BERNAMA

*BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](http://www.bernama.com); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).*